

Siri Penerbitan Buku

---

# PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) COVID-19: PERISTIWA DALAM MEDIA

---



Editor  
**Mohamad Suhaizi Suhaimi**



Gabungan Pelajar BMCO 1101  
Pengenalan Komunikasi Antarabangsa  
Sem II 2019/2020

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) COVID-19: PERISTIWA DALAM MEDIA | MOHAMAD SUHAIZI SUHAIMI

# PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) COVID-19: PERISTIWA DALAM MEDIA

**Editor**

Mohamad Suhaizi Suhaimi



Penerbit MSS  
Pagoh • 2020

© Penerbit MSS 2020  
Cetakan Kedua 2020

*Diterbit oleh*

Mohamad Suhaizi bin Suhaimi  
Penerbit MSS  
28, Jalan Jaya 2/22, Taman Pagoh Jaya  
84600 Muar Johor

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam simpanan kekal atau dipindahkan dalam pelbagai bentuk atau kaedah elektronik, mekanik, penggambaran semula dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada Penerbit MSS.

Perpustakaan Negara Malaysia | Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohamad Suhaizi Suhaimi, 1992-

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) COVID-19: PERISTIWA  
DALAM MEDIA/ Mohamad Suhaizi Suhaimi.

ISBN 978-967-18042-0-9

1. National security--Malaysia--In Mass media.
2. Perintah Kawalan Pergerakan--Malaysia--In mass media.
3. Coronaviruses--Malaysia--In mass media.
4. Coronaviruses--Social aspects--Malaysia.
5. Coronavirus infections--Social aspects--Malaysia.

I. Judul.

355.0335595

Reka bentuk kulit buku oleh Ahmad Wafi M. Hairol Kamal

*Dicetak oleh*

Seven Colour Synergy Enterprise  
No. 4, Jalan Kencana 1A/1, Pura Kencana  
83300 Seri Gading, Batu Pahat  
Johor Darul Takzim

# KANDUNGAN



	Prakata	
1	Pentadbiran Politik Malaysia	1
2	Artis Minta Bantuan	7
3	Bantuan Kerajaan	13
4	Rakyat Tidak Jujur	21
5	Berita Palsu dan Tidak Tepat	28
6	Pendapatan Rakyat Terjejas	35
7	Perkongsian Resipi Minuman dan Makanan	41
8	Penciptaan Lagu	49
9	Rakyat Degil Tidak Duduk Rumah	56
10	Pengasas Produk Ambil Kesempatan	63
11	Kurang Sensitiviti Pihak Media	70
12	#Pesakit136	75
13	Adiwira Malaysia	82
14	PKP Bukan Penghalang PdP	88
	Rujukan	93

# 13

## ADIWIRA MALAYSIA

Oleh: Mohamad Suhaizi Suhaimi

### PENGENALAN

Semasa tempoh PKP berlangsung disebabkan virus pandemik COVID-19, Malaysia dilihat sebagai sebuah negara yang hebat dalam menangani kemelut wabak tersebut. Hal ini dibuktikan apabila Malaysia berjaya mencatatkan kadar purata sembuh tertinggi di dunia dengan 32.7% pesakit sembuh, diikuti Singapura 24.4% dan Hong Kong 22.54% berbanding kadar purata dunia iaitu sebanyak 21.01%. Laporan dari Facebook Gerakan Pembela Ummah (UMMAH) yang bertarikh 12 April 2020 tersebut telah membuktikan bahawa pasukan perubatan dan sistem perkhidmatan Malaysia berada dalam keadaan antara yang terbaik di dunia. Selain itu, pada 17 April 2020, my Metro melaporkan sebanyak 201 bilangan kes pulih dan dibenarkan keluar wad dan hal tersebut menunjukkan hampir tiga kali ganda melebihi kes baharu pada hari tersebut iaitu sebanyak 69 kes.



Gerakan Pembela Ummah - UMMAH  
Malaysia Duduk Tangga Teratas Pesakit Sembuh  
Covid-19



DATUK Dr Noor Hisham Abdullah ketika sidang media berhubung situasi semasa jangkitan COVID-19 di Putrajaya. FOTO Mohd Fadli Hamzah

Rajah 13.1 Berita mengenai kejayaan Malaysia di Facebook dan akhbar

Oleh yang demikian, ucapan tahniah dan sekalung penghargaan harus ditujukan kepada barisan hadapan atau *frontliner* Malaysia yang bertungkus-lumus siang dan malam dalam memastikan Malaysia kekal dalam keadaan sejahtera dan harmoni. Mereka telah diiktiraf sebagai barisan hadapan terbaik di dunia apabila Malaysia telah menunjukkan trend penurunan yang cemerlang bagi pesakit COVID-19. Individu-individu yang berada di barisan hadapan tersebut layak digelar sebagai Adiwira atau *Superhero* yang gagah melawan musuh tidak nyata iaitu COVID-19 ini. Justeru, antara adiwira di Malaysia seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Sukarelawan Malaysia, Angkatan Pertahanan Malaysia dan pelbagai lagi agensi kerajaan mahupun swasta. Tidak dilupakan kepada rakyat Malaysia yang mematuhi arahan kerajaan untuk duduk di rumah sepanjang PKP berlangsung, anda juga Adiwira negara.



**Rajah 13.2** Berita peranan barisan hadapan negara diiktiraf dunia dalam Sinar Harian

Sehubungan itu, pelbagai reaksi komen dari netizen berikutan pengiktiran Malaysia sebagai antara barisan hadapan terbaik di dunia. Antara komen yang dikenal pasti ialah daripada Miebung Mie pada tarikh 22 April 2020 menyatakan bahawa rakyat Malaysia menzahirkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada barisan hadapan Malaysia. Hal ini menunjukkan bahawa beliau menghargai segala penat lelah mereka yang sanggup berjauhan dengan ahli keluarga untuk tempoh yang agak lama dan berkorban masa, nyawa dan harta demi kesejahteraan negara. Berikut merupakan paparan reaksi komen yang ditinggal oleh Miebung Mie melalui aplikasi *Facebook*.



**Miebun Mie**

Sebagai rakyat Malaysia, saya berterima kasih dan bangga kpd kewibawaan para frontliners Malaysia..anda semua diantara yg terbaik di dunia.

1 d Like Reply

**Rajah 13.3** Reaksi daripada netizen dalam ruangan komen *Facebook*

### **PALING POPULAR**

Menjadi figura yang dikenali bukanlah satu keadaan yang disukai oleh sesetengah individu. Namun, dengan kepesatan teknologi yang membentuk media sosial yang pelbagai, seseorang itu boleh menjadi popular dalam sekelip mata. Tambahan pula, popular merupakan jalan pintas menjadikan seseorang itu menarik (Fadzilah Kamsah & Ahmad Naim Jaafar, 2007). Hal ini bertepatan dengan situasi semasa PKP apabila populariti Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia iaitu Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah telah menarik perhatian warga Malaysia untuk lebih mengenali beliau. Hal ini demikian kerana, siaran langsung bagi kenyataan rasmi situasi terkini COVID-19 di Malaysia sering ditonton hampir jutaan rakyat Malaysia pada jam 5 atau 5.30 petang. Kenyataan rasmi ini ditayangkan setiap hari sepanjang tempoh PKP berlangsung dan beliau dilihat sangat profesional dan tenang dalam menjawab pertanyaan-pertanyaan daripada pihak media.



**Rajah 13.4** Poster hasil karya Zaim Studios mengenai Dr. Noor Hisham

Kredibiliti beliau dalam mengendalikan aspek kesihatan semasa situasi pandemik ini merupakan sesuatu yang tidak dapat disangkal lagi. Beliau dinobatkan sebagai antara tiga doktor perubatan terbaik dunia oleh sebuah stesen televisyen China iaitu Global TV Network selain dari Amerika Syarikat Dr. Anthony Fauci dan New Zealand Dr. Ashley Bloomfield.

Beliau yang dilahirkan di Sepang, Selangor pada 21 April 1963 memiliki ijazah Kedoktoran Perubatan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kemudian, beliau menjadi pakar dalam pembedahan endoktrin dan menjalankan latihannya di pelbagai universiti di Adelaide dan Sydney, Australia. Pada 1 Mac 2013, beliau dilantik menjadi Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia yang sebelum ini menyandang jawatan sebagai Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan sejak 1 Februari 2008.

Bermula pada 17 April 2020, kes positif yang dijangkiti Covid-19 di Malaysia dilihat berada pada angka di bawah 100. Hal ini sedikit sebanyak memberi kelegaan dan syukur bagi seluruh rakyat Malaysia yang saban hari menyaksikan angka 120 dan ke atas secara purata bagi bilangan kes pesakit yang positif. Dapat dilihat bahawa PKP yang dilaksanakan oleh kerajaan sedikit sebanyak menampakkan hasil yang positif. Berikut merupakan jadual bilangan kes yang positif bermula 17 hingga 22 April 2020.

**Jadual 13.1** Bilangan kes positif Covid-19 bawah angka 100

<b>Tarikh (April 2020)</b>	<b>Bilangan Kes Positif</b>
17	69
18	54
19	84
20	36
<b>21</b>	<b>57</b>
22	50

Fakta menarik yang dapat dilihat berdasarkan jadual tersebut apabila jumlah kes positif COVID-19 pada 21 April (hari lahir beliau) adalah seramai 57 orang iaitu angka 57 juga merupakan umur terkini beliau pada tahun 2020. Justeru, bersempena dengan hari lahir beliau pada 21 April tersebut, ucapan bertubi-tubi daripada pelbagai pihak yang mendoakan kesejahteraan dan kebahagiaan beliau sama ada di dunia dan akhirat. Beliau juga telah mengeluarkan kenyataan bahawa hadiah terbaik buatnya sempena ulang tahun kelahiran beliau adalah dengan memastikan rakyat Malaysia duduk di rumah dan patuhi arahan kerajaan sepanjang musim PKP berlangsung. Rata-rata netizen merasakan permintaan tersebut adalah amat mengharukan berbanding permintaan hadiah yang mewah dan sebagainya.



Seorang pengguna *Facebook* bernama Kenny Ng Khai Hoong turut menyampaikan ucapan hari lahir buat Dr. Noor Hisham. Perkara menarik yang dapat dilihat melalui komen tersebut itu ialah beliau berkongsi tarikh lahir yang sama dengan Dr. Noor Hisham. Beliau sempat meninggalkan ucapan agar Dr. Noor Hisham sentiasa dalam keadaan sihat dan dipanjangkan umur. Hal ini merupakan situasi yang sangat harmoni apabila seseorang yang berlainan bangsa turut memberi ucapan berunsur positif lebih-lebih lagi dalam keadaan wabak yang agak mencemaskan ini. Berikut merupakan berita mengenai permintaan Dr. Noor Hisham dalam *Astro Awani* dan komen yang ditinggalkan oleh pengguna *Facebook*.



The image shows a screenshot of a Facebook post and a news article snippet. The news article is from 'astro AWANI' and is titled 'Rakyat Malaysia kekal duduk di rumah, hadiah hari lahir paling istimewa buat Dr Noor Hisham'. It is dated April 21, 2020, at 00:07 MYT. The article features a photo of Dr. Noor Hisham and a caption that reads: 'Rakyat Malaysia diminta kekal di rumah dan mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Itu hadiah paling istimewa sempena hari lahir Dr Noor Hisham. - Gambar fail'. Below the article is a Facebook comment from Kenny Ng Khai Hoong, who says: 'I share same birthday with Dr. Noor Hisham, I really want to wish him stay healthy & live happily for longer time.' The comment has 43 likes and was posted 2 days ago.

### Rajah 13.5 Permintaan hari lahir dan komen dari pengguna *Facebook*

#### KESIMPULAN

Sebagai warganegara yang prihatin dan bertanggungjawab, sikap menghargai pengorbanan dan kerja keras seseorang pemimpin haruslah disemai dalam jiwa setiap rakyat. Pelaksanaan PKP telah menunjukkan sikap rakyat Malaysia yang patuh dan komitmen namun terdapat juga yang ingkar akan arahan daripada kerajaan. Selain itu, sikap rakyat Malaysia yang pemurah dengan sumbangan dilihat mampu mengekalkan keharmonian negara terutamanya dalam keadaan pandemik ini.

Sumbangan daripada golongan selebriti, syarikat swasta serta pereka fesyen di Malaysia misalnya telah memberi erti yang bermakna bagi perkataan Adiwira tersebut. Tidak dilupakan juga kepada semua

Jemaah Menteri yang bersetuju agar pemotongan gaji selama dua bulan untuk disalurkan kepada tabung COVID-19. Kalau diperhatikan dalam sesebuah filem, Adiwira dilihat sebagai individu yang gagah dan sasa tubuh badannya. Namun begitu, Adiwira yang sebenar adalah lebih daripada itu. Kita adalah Adiwira bagi setiap diri kita sendiri selagi bantuan atau sumbangan yang dihulurkan mampu mengukir senyuman pada insan-insan yang menerimanya serta memerlukan.



Teori Penentuan Agenda telah diperkenalkan oleh Walter Lippman (1965) dengan konsep *The world outside and the picture in our head*. Teori ini menggambarkan pengaruh media yang sangat kuat terhadap pembentukan masyarakat supaya isu yang terdapat dalam media dianggap penting. Justeru, bertepatan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) disebabkan oleh wabak pandemik COVID-19, pelbagai isu dalam media sosial telah menyebabkan netizen mula percaya serta mampu menimbulkan kekusaran malah menjadi bahan jenaka dalam masyarakat. Walaupun sesetengah berita yang disampaikan tersebut adalah palsu, kemudahpercayaan netizen adalah tinggi berikutan sumber dari media sosial yang bersifat pelbagai dan pantas. Hal tersebut turut memberi kesan kepada para pemimpin sehingga pelbagai dasar dilaksanakan serta langkah diambil berpunca daripada berita yang tersebar luas dalam media sosial.

Oleh yang demikian, buku ini sesuai dijadikan bahan bacaan secara umum berikutan PKP telah dilalui dan memberi kesan terhadap seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa dan agama. Pelbagai topik serta isu yang tular sepanjang PKP kini dibukukan untuk renungan dan panduan generasi akan datang mengenai wabak yang pernah menimpa dunia khususnya negara Malaysia.

**Mohamad Suhaizi Suhaimi (Ph.D)**

Merupakan pemegang Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Kini beliau bertugas sebagai Penolong Profesor bagi subjek Pengenalan kepada Komunikasi Antarabangsa di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, (UIAM) Pagoh.



ISBN 978-967-18042-0-9



9 789671 804209